

# Isu pindaan untuk alih perhatian dari BMF?

**BATU PAHAT, Jumaat** — Isu pindaan perlembagaan sengaja disemarakkan menjadi satu kontroversi nasional oleh golongan tertentu bagi menenggelamkan minat rakyat terhadap kes penyelewengan Bumiputra Malaysia Finance (BMF).

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Junid berkata, usul pindaan perlembagaan telah dibincangkan dan disebar kepada pemimpin semua peringkat lama sebelum pendedahan penyelewengan BMF itu dibuat.

Bagaimanapun, ada golongan tertentu, katanya, sengaja mengabdikan soal pindaan itu menjadi satu krisis baru dengan tuduhan kononnya kerajaan hendak mewujudkan sebuah negara republik di Malaysia demi mengalih perhatian rakyat dari skandal itu.

"Penyimpangan terhadap pindaan perlembagaan cuma didengar sebaik saja selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan kes penyelewengan BMF di Hong Kong," katanya.

## Menafikan

Malah, pindaan perlembagaan telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan negara lama sebelum perhimpunan agung Umno dan tidak ada sebarang persoalan pun mengenainya dibangkitkan dalam perhimpunan itu.

Datuk Sanusi juga menafikan dakwaan yang mengatakan kerajaan terburu-buru membuat pindaan itu tanpa merujuk kepada rakyat terlebih dahulu.

Katanya, soal pindaan perlembagaan telah dua kali dibincangkan dalam sidang Kabinet dan kemudian dimaklumkan kepada semua Ahli Majlis Kerja Tertinggi Umno tanpa sebarang bantangan.

Di samping itu, penjelasan khusus juga diberikan kepada semua wakil rakyat Barisan Nasional dalam satu perjumpaan khas di Hotel Regent Kuala Lumpur yang dipengerusikan oleh Encik Ghafar Baba.

Beliau menjelaskan demikian dalam majlis ceramah khas kepada pemimpin-pemimpin Umno Bahagian Seri Gading di dewan orang ramai Parit Raja dekat sini petang tadi.

Katanya, kerajaan berpuashati soal pindaan perlembagaan itu patut dibincangkan di peringkat pemimpin sahaja kerana tidak mahu soal tugas raja-raja dalam sistem pemerintahan Parlimen Beraja negara ini dijadikan isu politik.



**DATUK SANUSI JUNID**

"Kita mahu mengekalkan hubungan harmonis antara kerajaan dengan Raja-Raja Melayu dan menghalang sebarang percubaan untuk menjadikan negara ini sebuah republik atau diperintah oleh raja yang diktator."

Datuk Sanusi berkata, kerajaan tidak mahu menjadikan soal pindaan perlembagaan itu satu perbincangan umum di akhbar-akhbar kerana ia pasti akan menyetuhi peribadi raja-raja.

Beliau menegaskan, kerajaan membuat pindaan itu menurut saluran undang-undang yang sah selaras dengan Rukun Negara yang mendaulatkan undang-undang.

Katanya, kerajaan tidak pernah membelakangkan perlembagaan kecuali dalam kes mengeluarkan Singapura dari Malaysia dalam tahun 1965 di mana keputusan itu tidak dirujuk kepada Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Kerja Tertinggi Umno.

"Tapi kematangan dan disiplin Umno telah berjaya membantu kita menyelesaikan krisis itu dengan aman."

"Bagaimanapun, jika dalam menghadapi isu pindaan perlembagaan sekarang Umno ditekan untuk mencari penyelesaian segera, maka jentera penerangan Umno akan digerakkan untuk menjelaskan duduk perkara sebenarnya hingga ke peringkat kampung-kampung."

"Tapi, Alhamdulillah sekarang ini sudah ada tanda dalang-dalang yang menyebarkan kontroversi ini sudah mula mencari jalan untuk menyelamatkan diri kerana ahli-ahli Umno sudah faham kedudukan sebenarnya," kata Datuk Sanusi.